



**BAHAGIAN PELESENAN
MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN
DAN PERMIT IKLAN LUAR**

**BAHAGIAN PELESENAN
JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PELESENAN
MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN
JALAN YAHYA AHMAD
23000 DUNGUN TERENGGANU**

TEL: 09-8481931/32

EMEL: mpdungun@terengganu.gov.my

LAMAN SESAWANG: <http://mpd.terengganu.gov.my>

**TARIKH TERBITAN
30 JANUARI 2024**

1. OBJEKTIF

Garis panduan ini menerangkan mengenai tatacara untuk memohon lesen dan permit iklan luar dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Dungun bagi memastikan iklan yang dipamerkan mempunyai lesen yang sah dan mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan merujuk kepada Undang-undang Kecil (Iklan) Majlis Daerah Dungun 1985, termasuk kandungan bahasa yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP).

2. SKOP PELESENAN

Aktiviti mendirikan / memasang papan iklan luar sebagaimana berikut:

Bil.	Jenis Iklan	Definisi	Contoh Gambar	Contoh Ukuran
i.	Iklan Premis	Iklan yang dipamerkan pada dinding atau pada satu jarak dari dinding atau iklan yang dilukis pada dinding di sebelah luar bangunan yang tidak mempunyai permukaan terbuka sama ada menganjur/ tidak menganjur		9 meter persegi atau mengikut kesesuaian premis
ii.	<i>Free Standing Unipole</i>	Iklan yang dipamerkan bersaiz besar di atas satu tiang keluli yang tinggi dan kebiasaannya dipaparkan secara dua muka.		40' X 60'
iii.	<i>Free Standing Billboard</i> (termasuk visual LED)	Iklan yang dipamerkan bersaiz sederhana besar menggunakan dua atau satu tiang dan kebiasaannya dipaparkan secara satu muka. Visual LED pula ialah paparan digital yang berfungsi sebagai sebuah peti televisyen yang menyiarkan visual bergerak bagi tujuan pengiklanan.		5.76 X 2.88'

iv.	Sepanduk / Kain Rentang (<i>banner</i>)	Iklan yang dipamerkan di atas kain rentang (saiz melintang) atau jenis permukaan tahan lasak untuk cetakan grafik dan kebiasaannya digantung di premis, tiang-tiang sepanduk dan tempat-tempat yang dibenarkan.		6' x 2' @ 8' x 4' @ 10' x 4' @ mengikut saiz dipohon
v.	Gegantung (<i>bunting</i>)	Iklan yang dipamerkan di atas kain rentang (saiz menegak) atau jenis permukaan tahan lasak untuk cetakan grafik dan kebiasaannya digantung di tiang-tiang sepanduk, tiang lampu dan tempat-tempat yang dibenarkan.		2' x 5' @ 2' x 4' @ 3' x 5'

3. ASAS PERUNDANGAN

Peruntukan undang-undang yang diguna pakai dalam melesenkan iklan luar adalah sebagaimana berikut:

3.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

3.2 Akta Perancangan Bandar & Desa (Akta 172)

3.3 Akta Jalan, Parit, Dan Bangunan 1974 (Akta 133)

3.4 Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Daerah Dungun 1985

3.5 Arahan penggunaan tulisan jawi dalam semua iklan di Negeri Terengganu :
SUK.TR.572/344/Bhg.4-(19) – 08 April 2015

4. LARANGAN PEMASANGAN IKLAN/ KAIN RENTANG/ BANTING DI LOKASI YANG TIDAK DIBENARKAN

BIL	KAWASAN LARANGAN PEMASANGAN
i.	Pemasangan iklan kekal tidak dibenarkan diatas rezab jalan.
ii.	Pemasangan kain rentang / banting tidak dibenarkan di jambatan, pagar bangunan kerajaan, premis-premis awam (kemudahan awam) dan jejantas.
iii.	Pemasangan kain rentang / gegantung tidak dibenarkan pada dua (2) dua tiang pertama dari lampu isyarat (<i>traffic light</i>)


5. SYARAT ASAS PERMOHONAN

BIL.	SYARAT ASAS PERMOHONAN
i.	Warganegara Malaysia sahaja (warga asing tidak layak memohon)
ii.	Berumur 18 tahun ke atas
iii.	Mengisi dan mengemukakan borang permohonan lesen iklan MPD dengan lengkap
iv.	Menggunakan Tulisan Jawi, Bahasa Melayu

6. DOKUMEN ASAS PERMOHONAN

BIL	PERKARA	KEPERLUAN
1	Salinan Kad Pengenalan	1 salinan
2	Gambar berukuran pasport (untuk permohonan individu)	2 keping
3	Salinan Borang A (Pendaftaran Perniagaan) atau Borang B (Pendaftaran Perubahan Perniagaan) dan Borang D (Perakuan Pendaftaran Perniagaan mengikut Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1956).	1 salinan
4	Salinan geran tanah / surat perjanjian/ kebenaran tuan punya premis/ tanah (jika tanah milik)	1 salinan
5	Salinan contoh paparan visual iklan (tulisan jawi)	1 salinan

7. SYARAT-SYARAT PEMATUHAN


BIL	PERKARA
1	Perkataan / bahasa pada iklan / papan tanda / kain rentang / banting hendaklah dalam Bahasa Melayu. Bahasa. Terjemahan bahasa lain mestilah lebih kecil daripada saiz tulisan Bahasa Melayu.
2	Tulisan Jawi hendaklah berada di atas lain-lain tulisan yang terdapat pada iklan / papan tanda / kain rentang / banting.
3	Visual iklan perlu ditukar sekiranya telah pudar/lusuh/rosak
4	Menggunakan Logo "Beautiful Terengganu Malaysia" pada kain rentang/ gegantung 
5	Perlu meletakkan nombor rujukan pada bahagian bawah sebelah kanan iklan / papan tanda yang hendak dipamerkan contoh; MPD.002/xxx/xx-xx/xx
6	Pelekat (<i>sticker</i>) hendaklah ditampal disudut sebelah kanan bahagian bawah pada setiap helai kain rentang / gegantung.
7	Pemohon hendaklah memastikan kain rentang / gegantung diikat dengan kemas supaya tidak mudah tertanggal.
8	Kain rentang / gegantung hendaklah diturunkan oleh pemohon / wakil pemohon selepas tamat tempoh permit.

8. KAEDAH PERMOHONAN LESEN IKLAN LUAR DAN CARTA ALIR


8.1 KAEDAH PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN & IKLAN

<p>Manual</p> <p>(Borang permohonan(RM2.00) boleh didapati di Kaunter Bersepadu, Bahagian Pelesenan, MPD dan serahkan borang permohonan yang lengkap beserta dokumen lampiran secara manual di Kaunter Pelesenan, MPD)</p>	<p>Kaunter Bersepadu, Bahagian Pelesenan, MPD</p> <p>Waktu Operasi Kaunter: Ahad-Rabu 8.00 pagi – 4.30 petang Khamis 8.00 pagi – 3.00 petang</p> <p>TEL: 09-8481931/32 EMEL: mpdungun@terengganu.gov.my LAMAM SESAWANG: http://mpd.terengganu.gov.my</p>
--	---

8.2 CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN IKLAN



8.3. CARTA ALIR PERMOHONAN IKLAN SEMENTARA (KAIN RENTANG DAN GEGANTUNG)




9. KAEDAH DAN CARTA ALIR PEMBAHARUAN LESEN IKLAN

9.3. KAEDAH PEMBAHARUAN LESEN

PEMBAHARUAN LESEN	TEMPOH BAYARAN	FI LESEN & PIAGAM PELANGGAN
Pembaharuan boleh dibuat di kaunter pembayaran MPD beroperasi	Permohonan pembaharuan lesen bagi papan iklan luar tidak lewat daripada bulan Mac tahun berikutnya	Fi pembaharuan lesen adalah sebagaimana kadar kelulusan dalam surat tawaran. Kelulusan serta merta sekiranya dokumen lengkap sebagaimana carta alir 7.2

9.4. CARTA ALIR PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN IKLAN



9.5. Dokumen permohonan pembaharuan lesen:-

Bil.	Jenis Iklan	Dokumen Permohonan Pembaharuan Lesen
i.	Iklan Premis	- Salinan lesen tahun sebelum
ii.	<i>Unipole & Billboard</i>	- Satu (1) Salinan polisi insuran terkini - Satu (1) Salinan LPS terkini (tanah kerajaan) atau - Gambar terkini papan iklan di tapak

10. PIAGAM PELANGGAN PERMOHONAN LESEN IKLAN

Tempoh permohonan lesen diproses dan diberikan keputusan sebagaimana berikut:-

Bil.	Permohonan	Tempoh
i.	<i>Iklan Premis</i>	7 – 14 hari bekerja
ii.	<i>billboard / unipole:</i>	
iii.	<i>Free Standing Billboard</i> (termasuk visual LED)	
iv.	Pertukaran visual	
v.	Permohonan iklan sementara (Kain rentang/ gegantung)	24 jam

11. FI LESEN

11.1. JENIS PEMBAYARAN DIKENAKAN UNTUK SETIAP PERMOHONAN

BIL	ITEM	FI (RM)	KAEDAH	BAYARAN
i.	Wang proses	-	-	-
ii.	Fi lesen iklan	Ditetapkan mengikut jenis iklan	Tunai/ Kad Debit/Kad kredit	Selepas permohonan diluluskan
iii.	Wang amanah	Ditetapkan mengikut jenis iklan	Tunai/ Kad Debit/Kad kredit	Selepas permohonan diluluskan

11.2. JADUAL KADAR BAYARAN FI LESEN IKUT JENIS AKTIVITI - IKLAN LUAR (BILLBOARD/ UNIPOLE/ DINDING BANGUNAN/ HOARDING)

BIL.	KATEGORI	KADAR BAYARAN	
i.	Berlampu	9m ² PERTAMA : RM 80.00	>9m ² BERIKUTNYA : RM 8.00/ setiap 1m ² atau sebahagian darinya
ii.	Tidak Berlampu	9m ² PERTAMA : 50.00	>9m ² BERIKUTNYA: RM 5.00/ setiap 1m ² atau sebahagian darinya
iii.	Permit Kain Rentang + pelekat	RM 25.00/ unit/ bulan	-
iv.	Permit Gegantung + pelekat	RM 15.00/ unit/ bulan	-
v.	Wang Amanah	<ul style="list-style-type: none"> ● Kain Rentang RM 50 : 1-10 unit RM 100 : 11-20 unit RM 500 : >21 unit ● Gegantung RM 50 : 1-10 unit RM 100 : 11-20 unit RM 150 : 21-50 unit RM 500 : 51-100 unit 	

12. KEPUTUSAN PERMOHONAN


Output	Lesen Iklan Luar
Kaedah penyampaian keputusan kepada pemohon	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pengeluaran surat tawaran lesen (pos atau pengambilan di Kaunter Bersepadu, Bahagian Pelesenan, MPD) 2) Panggilan telefon kepada pemohon

13. PEMBATALAN LESEN

PEMBATALAN LESEN	DOKUMEN & FI	PIAGAM PELANGGAN
Melalui surat permohonan secara rasmi ke Bahagian Pelesenan, MPD.	Resit asal bayaran wang amanah (sekiranya hilang, perlu kemukakan surat akuan sumpah). Salinan SSM syarikat. Salinan penyata bank syarikat.	Kelulusan serta merta sekiranya dokumen lengkap.

14. SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN

MPD-PK(U)-LES-02(L2)



SENARAI SEMAK BORANG PERMOHONAN LESEN IKLAN

BIL	BUTIRAN DOKUMEN	TANDAKAN (j)	
		PEMOHON	PEJABAT
1	1 salinan borang A (Pendaftaran Perniagaan) mengikut Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197). (Disertakan alamat tempat perniagaan)		
2	1 salinan surat Pengesahan / Perakuan Pendaftaran Kementerian Kesihatan Malaysia (Klinik Swasta)		
3	1 salinan pelan lokasi premis (saiz A4)		
4	1 lakaran rekabentuk setiap papan iklan premis perniagaan yang dicadangkan.		
5	1 salinan kad pengenalan / passport		
6	1 salinan resit bayaran Cukai Taksiran terkini (Cukai Pintu)		
7	1 salinan Sijil Kelayakan Menduduki bangunan /sementara (CF/CTF/CCC), Permit Sementara (jika ada)		
8	1 salinan Surat Perjanjian / kebenaran tuan bangunan (jika bukan bangunan sendiri)		
9	1 salinan siji / gambar alat pemadam api		
10	1 unit tong sampah (ZWB) - gambar / resit pembelian		

*Semua dokumen yang dinyatakan di atas hendaklah dikemukakan bersama borang permohonan semasa pemohon mengemukakan permohonan

Aku ini Terima Permohonan :


Diorah oleh : _____ Diterima oleh : _____

.....
 Nama : _____
 No. K/P : _____

.....
 (tanda tangan & Cop pegawai)

Senarai Semak Borang Lesen Iklan

15. BORANG PERMOHONAN LESEN IKLAN LUAR

 <p style="text-align: center;"> مجلس قريالدين دوشون MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN 23000 DUNGUN, TERENGGANU. TEL: 09-848 1931, 848 1932, 848 1020 & 845 5249 FAKS: 09-848 3210 </p>	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%;">NO. SIRI</td> <td style="width: 50%; text-align: center;">10426</td> </tr> <tr> <td>HARGA BORANG</td> <td style="text-align: center;">RM 2.00</td> </tr> </table>	NO. SIRI	10426	HARGA BORANG	RM 2.00
NO. SIRI	10426				
HARGA BORANG	RM 2.00				

BORANG PERMOHONAN IKLAN

ARAHAN:

1. Sila baca syarat-syarat permohonan dengan teliti.
2. Sila isikan borang ini dengan lengkap dan terang. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak terang akan ditolak.
3. Sila gunakan 'HURUF BESAR'.
4. Sila isikan borang ini dengan menggunakan dakwat HITAM / BIRU.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

1. Kemukakan 2 (dua) keping contoh iklan papan tanda bagi permohonan untuk memasang papan tanda dan 3 (tiga) keping contoh iklan bagi permohonan iklan yang lain.
2. Setiap permohonan untuk memasang kain rentang hendaklah dihantar tujuh (7) hari lebih awal dari tarikh pemasangan.
3. Sila kembalikan 1 (satu) salinan daftar pemiagaan @ pendaftaran syankat (*business registration*) bagi permohonan pemasangan papan tanda.
4. Sila kemukakan insurans Tanggungan Awam bagi papan tanda yang ukurannya lebih daripada 100 kaki persegi.
5. Sila kemukakan pelan lokasi tempat pemasangan bagi permohonan pemasangan paparan iklan (*outdoor billboard*).
6. Bayaran wang proses dikenakan sebanyak RM10.00 (RINGGIT; Sepuluh sahaja) bagi satu permohonan lesen kecuai kain rentang / banting / 'handbills'.

SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN BAHASA PADA IKLAN:

1. Penggunaan Bahasa Malaysia adalah diwajibkan dan tulisannya hendaklah TERBESAR dan TERATAS SEKALI.
2. Jika tulisan JAWI digunakan, ianya hendaklah ditulis di sebelah atas daripada lain-lain bahasa.
3. Penggunaan lain-lain bahasa hendaklah saiznya separuh lebih kecil dan ditulis di bahagian bawah daripada Bahasa Malaysia.

NAMA PEMOHON :
(DENGAN HURUF BESAR)

ALAMAT :
.....

JENIS IKLAN / TANDA DI BUMBUNG ATAU PAPAN TANDA:
(NYATAKAN)

BERSINAR / TIDAK BERSINAR
(Potong yang tidak berkenaan)

JENIS LESEN : KELAS A / B / C

UKURAN	:	KUANTITI
i.
ii.
iii.

ALAMAT DI MANA IKLAN / PAPAN TANDA HENDAK DIPAMERKAN:

- i.
- ii.
- iii.
- iv.
- v.

(SILA GUNAKAN LAMPIRAN JIKA RUANGAN TIDAK MENCUKUPI)

Tingginya daripada permukaan jalan (jika luar dari garisan bangunan mengikut Undang-undang Keel (Iklan) Majlis Perbandaran Dungun, 1985).

.....

TEMPOH PAMERAN : hingga

Kenyataan lesen iklan / papan tanda terdahulu:

Rujukan Fail	Ukuran Papan Tanda	Tarikh Tamat
.....

PENGAKUAN PEMOHON

Saya / Kami berikrar bahawa iklan / tanda di bumbung / papan tanda / poster yang dicadangkan itu tidak akan ditunjukkan sehingga suatu lesen telah dikeluarkan oleh Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Dungun.

.....
TARIKH

.....
TANDATANGAN PEMOHON

NAMA :

NO. KAD PENGENALAN:

PENGESAHAN / KEBENARAN TUAN BANCUNAN / TUAN TANAH

Bahawa saya, Tuan Punya Premis / Tanah Lot No.:

.....
dengan ini memberi kebenaran kepada penama / pemohon di atas untuk tujuan mempamerkan iklan sebagaimana yang dipohonkan:

.....
TARIKH

.....
TANDATANGAN PEMOHON

NAMA :

NO. KAD PENGENALAN:

KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Bayaran Proses	
No. Resit	
Tarikh	

16. CONTOH PAPAN IKLAN KEKAL


 چونتوه لاکرن قاقن اعلان
Contoh Lakaran Papan Iklan:

کدای مکن
 Kedai Makan

SELERA DUNGUN

No. x, Jalan Yahya Ahmad, 23000 Dungun, Terengganu. Dimiliki oleh: DUNGUN SDN.BHD. MPD.00x/xx-x/x

8888 8888 x/x

کدای قاکاین
 Kedai Pakaian

FESYEN DUNGUN

No. x, Jalan Yahya Ahmad, 23000 Dungun, Terengganu. Dimiliki oleh: DUNGUN SDN.BHD. MPD.00x/xx-x/x

8888 8888 x/x

*Rekabentuk (design) paparan papan iklan adalah bebas, tetapi tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

Lain-lain Syarat

- ✦ Menggunakan Bahasa Malaysia (Bahasa Melayu)
- ✦ Tulisan lain-lain bahasa dibolekan, tetapi Bahasa Melayu mesti diutamakan dan lebih jelas.
- ✦ Tulisan Jawi hendaklah diketak paling atas.
- ✦ Penggunaan perkataan "Hala" mestilah mendapat kelulusan MPD.
- ✦ Struktur iklan sentiasa dalam keadaan bersih, jelas, tidak kusut, selamat dan tidak menghalang pandangan awam.
- ✦ Nombor rujukan kelulusan lesen hendaklah dipamerkan dengan jelas.
- ✦ Perkataan dan paparan visual yang tidak sensitif, eapan dan menutup aurat.

Perkara yang perlu ada pada papan iklan:

- Tulisan Jawi ✓
- Bahasa Melayu ✓
- Nombor Rujukan Lesen MPD ✓
- Pemilik perusahaan/ perniagaan ✓
- No. Rujukan SSM ✓
- Alamat premis (pilihan) ✓

DISEDIAKAN OLEH:

Bahagian Pelesenan,
Majlis Perbandaran Dungun
09-8481931

17. CONTOH IKLAN SEMENTARA


 چونتوه لاکرن اعلان
Contoh Lakaran Iklan
(Kain Rentang/ Gegantung):

PROMOSI قروموني

KEDAI PAKAIAN MURAH

1 Januari 2022 hingga 31 Januari 2022

No. x, Jalan Yahya Ahmad, 23601 Dungun, Terengganu.

Perkara yang perlu ada pada iklan:

- Tulisan Jawi ✓
- Bahasa Melayu ✓
- Logo Beautiful Terengganu Malaysia ✓



Lain-lain Syarat

قروموني
PROMOSI

KEDAI PAKAIAN MURAH

1 Januari 2022
hingga
31 Januari 2022

No. x, Jalan Yahya Ahmad,
23601 Dungun,
Terengganu.

Rekabentuk (design) paparan papan iklan adalah bebas, tetapi tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

Tempat Boleh Dipamerkan

Struktur iklan di tapak shell lama, struktur iklan hadapan muzium, bawah billboard, sura gate, bawah billboard jalan lapangan terbang, bawah billboard simpang Che Lijah.

Tempat Tidak Boleh Dipamerkan

Tiang Lampu isyarat, tiang pertama selepas lampu isyarat, pokok milik MPD, Papan tunjuk arah, Pagar pejabat kerajaan

Menggunakan Bahasa Malaysia (Bahasa Melayu)

Tulisan lain-lain bahasa dibenarkan, tetapi Bahasa Melayu mesti diutamakan dan lebih jelas.

Tulisan Jawi hendaklah diletak paling atas

Penggunaan perkataan "Hala" mestilah mendapat kelulusan MPD.

Struktur iklan sentiasa dalam keadaan cerna jelas, tidak kusut, selamat dan tidak menghalang pandangan awam

Nombor Rujukan kelulusan lesen hendaklah dipamerkan dengan jelas.

Perkataan dan paparan visual yang tidak sensitif, sapan dan menutup aurat

DISEDIAKAN OLEH:

Bahagian Pelancongan
Majlis Perbandaran Dungun
09-3481931